

# USM: Universiti APEX Pertama Malaysia



**“Saya berharap, USM akan bekerja dengan lebih keras dan penuh gigih dan menjadi contoh kepada Universiti lain pada masa akan datang. Dalam usaha merealisasikan usaha ini, seluruh warga USM memerlukan keazaman, semangat, sokongan, komitmen dan sinergi untuk berhijrah selain tenaga, motivasi dan sumber pengurusan yang cemerlang”**

- KHALED NORDIN

**BK:** Bagi pihak USM, kami mengucapkan terima kasih kerana memilih USM sebagai Universiti APEX pertama.

**Khaled Nordin:** Tahniah kepada seluruh warga USM atas kejayaan yang membanggakan ini.

**BK:** Apakah ciri-ciri utama yang menyumbang kepada kejayaan USM mendapat status Universiti APEX ini?

**Khaled Nordin:** Kriteria pertama yang membawa kepada pemilihan USM sebagai Universiti APEX ialah Pelan Transformasi yang berdasarkan kepada Pembangunan Lestari dan mempunyai potensi untuk menonjol ke mata dunia.

Kedua, USM dilihat mempunyai keadaan semasa yang sentiasa bersedia dengan tenaga akademiknya, pencapaian yang memberangsangkan, Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) serta kepimpinan yang komited.

Ketiga, USM sudah bersempena untuk mengalami perubahan menjadi sebuah universiti yang bertaraf antarabangsa serta menjadi penanda aras pada masa akan

datang.

**BK:** Ramai yang menyangka UM akan terpilih kerana faktor usianya yang sudah matang berbanding USM, apa komen Datuk?

**Khaled Nordin:** Usia universiti bukanlah faktor yang diberi pernilaian dalam pemilihan Universiti APEX, oleh itu tiada sebab USM tidak mampu memikul tanggungjawab ini.

**BK:** Datuk sendiri merupakan graduan UM, malahan PM kita juga datangnya dari universiti tertua itu, tidakkah terdetik rasa bersalah kerana memilih USM?

**Khaled Nordin:** Saya tak nak dikatakan *bias* dalam menjalankan tugas. Kemampuan USM memang sudah jelas dan saya yakin pemilihan ini tidak silap.

Terpulang kepada USM sendiri untuk menggunakan peluang ini agar tidak timbul soal tidak berpuas hati dengan pemilihan ini di kemudian hari.

**BK:** Apakah matlamat kementerian setelah meletakkan



Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin ketika ditemui bual oleh wartawan Berita Kampus.

**USM di bawah program ini?**

**Khaled Nordin:** USM disasarkan untuk disenaraikan dalam ranking 100 universiti terbaik dunia dalam tempoh lima tahun dan ranking 50 terbaik menjelang 2020.

**BK:** Bagaimana pula dengan kuasa autonomi yang dijanjikan

**Gambar oleh: Yusrina Mokhtar**

**selepas pengiktirafan ini?**

**Khaled Nordin:** Soal autonomi serta pelaksanaan program APEX akan dibincangkan dengan pihak Universiti dalam tempoh masa lebih kurang empat bulan dari sekarang bagi mewujudkan pelan implementasinya dan akan ada garis panduan yang ditetapkan.

## MUKADIMAH

Universiti Sains Malaysia (USM) secara rasminya telah diiktiraf sebagai peneraju utama Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (APEX) setelah diumumkan terpilih dengan mengenepikan tiga lagi universiti yang turut disenaraikan pendek iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Berita gembira tersebut telah diumumkan sendiri oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin pada 2 September lalu di kementeriannya di Putrajaya.

Sehubungan dengan itu, *Berita Kampus* berpeluang menemuramah beliau ketika menyambut ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang baru-baru ini sempena lawatan pertama beliau ke USM.

Berikut adalah wawancara antara Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin, dengan wartawan Berita Kampus Eo Pee See, Mohd Hafizee Mohd Arop, Yusrina Mokhtar dan Noor Malini Muhamad. Sila ikuti temubual yang telah dijalankan.

**BK:** Adakah USM akan diberikan bantuan dari segi kewangan?

**Khaled Nordin:** Ya, sudah tentu. Bantuan tersebut akan diberikan untuk merealisasikan pelan transformasi yang telah dibuat oleh USM dan ia memang termasuk dalam bajet tahunan.

**BK:** Akan ada lagi Universiti APEX selepas USM?

**Khaled Nordin:** Perkara itu bergantung sepenuhnya kepada pencapaian USM selepas ini, jika USM bergerak dengan pantas, maka kita akan pertimbangkannya.

**BK:** Apa harapan Datuk kepada USM?

**Khaled Nordin:** Saya berharap, USM akan bekerja dengan lebih keras dan penuh gigih dan menjadi contoh kepada Universiti lain pada masa akan datang. Dalam usaha merealisasikan usaha ini, seluruh warga USM memerlukan keazaman, semangat, sokongan, komitmen dan sinergi untuk berhijrah selain tenaga, motivasi dan sumber pengurusan yang cemerlang.